



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## SEMPENA

MAJLIS ASPIRASI 2024  
BERSAMA MEMACU WILAYAH PERSEKUTUAN SEJAHTERA

22 FEBRUARI 2024

AUDITORIUM TUN AZIZAN ZAINUL ABIDIN  
PERBADANAN PUTRAJAYA

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN**

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

Terima kasih Saudara Harris, pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على سيدنا محمد  
أشرف المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

**Yang Berbahagia Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**

Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan

Ketua-ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan

Rakan-rakan Media,

Warga Kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi yang ada di dalam dewan ini mahupun yang menonton secara dalam talian,

Serta semua warga Wilayah Persekutuan yang turut sama menonton majlis pada pagi ini.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada majlis yang penuh bermakna, pagi ini. Kehadiran anda semua ke majlis pada hari ini merupakan manifestasi kebersamaan kita semua dalam memastikan kesejahteraan Wilayah Persekutuan terus dijaga dan dipelihara.
  
2. Saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Penubuhan Wilayah Persekutuan yang ke-50 dengan tema Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni. Masih belum terlambat juga untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina, Xīn Nián Kuài Lè kepada semua warga Wilayah Persekutuan yang berbangsa Tiong Hua. Semoga tahun baharu pada kali ini akan memberikan semangat yang baharu buat kita semua untuk kerja lebih kuat lagi demi memaknai cita-cita Malaysia amnya dan Wilayah Persekutuan khasnya.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

**SINGKAPAN PELANTIKAN SEBAGAI MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Warga Wilayah Persekutuan yang saya hormati sekalian,

3. Menyingkap kembali, tatkala saya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada tanggal 12 haribulan Disember tahun lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara pertama yang saya laksanakan adalah mendapatkan taklimat bersama agensi-agensi yang bernaung di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan. Perkara ini penting bagi memastikan saya mengenali dan memahami secara keseluruhan tentang Wilayah Persekutuan dan apa yang lebih penting ialah bagi memastikan segala perancangan, kebijakan dan daya fikir yang akan digembeleng adalah cerminan sebenar realiti di lapangan.
  
4. Saya juga mahu supaya antara saya, yang menerajui Wilayah Persekutuan, dan warga kerja dari atas sehingga ke bawah, sentiasa bekerja sederap dan selangkah dalam memberi yang terbaik kepada pelanggan atau rakyat secara keseluruhannya.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

5. Sehubungan itu, saya telah mendengar dan menekuni dengan teliti kesemua taklimat yang disampaikan kepada saya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Kampong Bharu, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan.
6. Kesemua taklimat ini telah saya selesaikan, alhamdulillah, dalam tempoh 16 hari, dan ianya *essential* untuk saya memulakan tindakan awal dalam menerajui Wilayah Persekutuan ini.

## **PERI PENTINGNYA WILAYAH PERSEKUTUAN TERHADAP KEMAJUAN MALAYSIA**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

7. Hasil dari taklimat yang saya terima, saya boleh simpulkan bahawa, di Wilayah Persekutuan ini terletaknya pusat-pusat bandar yang penting dan menjadi tunjang kepada pembangunan negara Malaysia. Ia juga merupakan pintu masuk negara yang seharusnya menggambarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun dan ke arah negara maju.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

8. Kuala Lumpur sendiri, merupakan sebuah bandar raya metropolitan terbesar di Malaysia dan merupakan ibu negara yang menjadi penanda aras bagi prestasi kemajuan ekonomi Malaysia. Kuala Lumpur ketika ini telah berkembang pesat dari pelbagai aspek, termasuklah menyumbang sebanyak lebih daripada RM 200 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK negara. Menyusur sejarah Kuala Lumpur, dari sebuah pekan kecil pelombongan bijih timah, kini terus menempa nama dan dikenali di seluruh dunia.
9. Pada tahun ini, Kuala Lumpur juga tersenarai di kedudukan ke-18 bandar raya terbaik dunia berdasarkan Britons Ranking. Selain itu, Kuala Lumpur juga diiktiraf di kedudukan kelapan, bandar paling suka didiami oleh ekspatriat, mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Forbes.
10. Lebih membanggakan lagi, Kajian Indeks Bandar Destinasi Global yang telah dijalankan oleh MasterCard, Kuala Lumpur berada di tangga keenam sebagai bandar paling ramai pengunjung di dunia mengalahkan New York dan Seoul. Pencapaian ini menunjukkan bahawa Kuala Lumpur bukan sahaja berkembang pesat, malah turut diiktiraf di persada antarabangsa.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

11. Selain Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan juga adalah merupakan wilayah yang mempunyai fungsi unik dan tersendiri. Labuan telah menyumbang sebanyak RM 1 bilion kepada pendapatan negara pada setiap tahun dan merupakan penyumbang KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia, antaranya melalui penubuhan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan IBFC yang merupakan anak syarikat Kementerian Kewangan Malaysia.
  
12. Zon ekonomi khas yang dibentuk oleh Kerajaan Malaysia yang mula ditubuhkan pada tahun 1990 ini juga telah dipasarkan sebagai mempunyai kedudukan yang unik untuk memanfaatkan peluang pelaburan di rantau Asia. Untuk makluman semua, pasaran kewangan Labuan kini telah berkembang lebih daripada sepuluh kali ganda sejak penubuhannya, iaitu daripada 80 entiti yang dikawal selia kepada 880 pemain kewangan antarabangsa dan serantau. Apa yang ditawarkan oleh Labuan kepada pasaran kewangan global sekarang tentunya lebih menarik, canggih dan relevan.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Wilayah Persekutuan Putrajaya pula seperti kita semua sedia maklum, merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Di sinilah tempatnya di mana Kerajaan memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat diberi dengan lebih baik dan lebih bersepadu dengan akses yang terus boleh dicapai oleh rakyat untuk berurusan dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan.

14. Kita kini mampu berbangga dengan Putrajaya yang menjadi model pusat pentadbiran yang diakui setaraf dengan bandar-bandar pentadbiran dunia seperti Washington di Amerika Syarikat, Canberra di Australia, Ankara di Türkiye serta Sejong di Korea Selatan.

## **MERAPATKAN JURANG, MELEBARKAN PELUANG**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

15. Jika kita lihat enam nilai teras Malaysia MADANI itu, salah satunya adalah kesejahteraan yang menjadi sebahagian daripada aspirasi yang akan saya tekankan pada hari ini. Apabila kita bercakap tentang kesejahteraan, itu pastinya mencakupi ruang lingkup sejahtera ekonomi dan sejahtera sosial.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

16. Sudah seharusnya kita meraikan kepelbagaian pandangan, jalur atau aliran budaya ilmu apatah lagi dalam suasana kemajmukan pelbagai latar masyarakat Malaysia.

17. Kerana itu, di antara inisiatif awal yang saya ambil ialah untuk turun ke lapangan bagi mendengar sendiri keluhan, kebimbangan, idea dan sumbang saran yang diajukan oleh rakyat melalui tiga sesi Temu Rapat Dr. Zaliha yang dianjurkan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pendekatan *bottom-up* ini amat penting untuk kita melihat keperluan dan kehendak rakyat, agar selari dengan dasar dan pendekatan yang perlu diambil oleh kita sebagai Kerajaan atau badan yang bertanggungjawab.

18. *I always believe that the strength of a society lies in the resilience and collective power of its people. A bottom-up approach nurtures this strength, fostering a culture of collaboration and shared success.*

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

19. Sesi Temu Rapat Dr. Zaliha ini bagi saya adalah satu program yang berjaya. Dihadiri oleh lebih seribu pemegang taruh dengan hampir 200 isu dan cadangan yang telah diutarakan.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

20. Suka atau tidak, inilah cerminan sebenar realiti di lapangan yang perlu kita ambil kira bagi memastikan perkhidmatan yang kita rancangkan turut mengambil kira keperluan dan denyut nadi rakyat keseluruhannya dan pastinya segala nikmat kepesatan serta kemajuan yang dikecapi turut dapat dan harus dirasai oleh semua.
21. Saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan yang bertindak sebagai pengelola bagi sesi ini. Penghargaan saya kepada semua yang mengurus sesi-sesi tersebut, bahkan yang lebih penting, menyokong usaha seperti ini dan memahami mengapa ianya perlu diadakan.
22. Ketika Temu Rapat tersebut saya dengar dengan teliti dan tekuni perkara yang dibangkitkan. Saya tulis satu persatu dan kesemuanya. Saya yakin pimpinan tertinggi Wilayah Persekutuan yang hadir turut meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan dan sebahagiannya telah dan sedang diambil tindakan demi penambahbaikan warga Wilayah Persekutuan ini.
23. Pandangan saya, kita wajar menjadi ibarat kayu besar di tengah padang, jadi tempat bernaung tika kepanasan, serta berlindung tika kehujanan. Kita wajar dan perlu bersedia dalam setiap masa untuk menyediakan solusi kepada masalah-masalah ini.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

24. Wajar kita angkat nilai-nilai manusawi dan karamah insaniyah dalam setiap pelaksanaan dan dasar yang bakal dilaksanakan.

25. Sebagai lanjutan daripada pelaksanaan Temu Rapat Dr. Zaliha sebelum ini, suka saya ingin umumkan bahawa Sesi Temu Rapat Dr. Zaliha ini akan diteruskan buat pemegang-pemegang taruh yang lain seperti badan-badan bukan kerajaan atau NGO, persatuan-persatuan perniagaan, anak-anak muda, golongan profesional dan yang lainnya.

### **KEPERLUAN INKLUSIVITI DALAM MENYELESAIKAN ISU LEGASI**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

26. Setelah selesai libat urus saya dengan agensi, kemudian dengan rakyat pada sesi Temu Rapat Dr. Zaliha, saya lihat banyak isu-isu legasi yang memerlukan campur tangan Menteri untuk diselesaikan segera dan menjadi *top priority*.

27. Misalnya, dalam isu “Mini Dhaka”, Jalan Silang Kuala Lumpur. Isu yang menjadi perhatian atau *concern* warga ibu kota selepas serbuan dibuat oleh Pasukan Gerakan Am PDRM pada Disember tahun lalu. Pertama sekali, saya mendengar taklimat daripada pihak PDRM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkenaan operasi serbuan tersebut.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

28. Kemudian saya turun ke lapangan untuk melihat sendiri dan memahami situasi sebenar yang berlaku. Setelah masalah sebenar kita kenal pasti, barulah saya arahkan tindakan diambil oleh DBKL untuk melakukan serbuan, mengambil tindakan terhadap mereka yang bermiaga tanpa lesen atau lesen di ‘alibaba’ kan. Saya juga telah mengarahkan agar DBKL menurunkan papan tanda yang secara berleluasa menggunakan bahasa asing seperti bahasa Bengali dan bahasa Burma, yang terang-terangan melanggar garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

29. Apa lagi maklumat yang saya terima? Daripada 1,000 orang yang ditangkap oleh Pasukan Gerakan Am, hanya 10 peratus daripada mereka yang tidak mempunyai dokumen yang sah. Dari maklumat ini, seharusnya kita mengambil tindakan yang lebih adil. Kalau kita lihat, sebenarnya mereka menjadikan Kuala Lumpur untuk berkumpul, berjumpa rakan dan juga menghabis masa hujung minggu dan cuti umum mereka. Secara tidak langsung kehadiran mereka ke kawasan tersebut juga turut menyumbang kepada pertumbuhan sosio ekonomi setempat.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

30. Namun, saya memahami juga kekhawatiran rakyat Malaysia, khususnya warga ibu kota yang rimas melihat lambakan warga asing ini. Sehubungan itu, apa yang kita akan lihat dan teliti bagi kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan seperti di Jalan Silang dan beberapa kawasan lain seperti ini, adalah kita perlu untuk membuat *placemaking* dan mempolakan semula kawasan tumpuan warga asing ini. Selain itu, saya juga telah memaklumkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk diadakan usaha-usaha dan program-program untuk menarik semula rakyat Malaysia untuk ke pusat bandar.

31. Jadi, inilah yang saya sebut di awal tadi, apabila kita selangkah dan sederap, maka tindakan dan penyelesaian itu dapat dilakukan dengan pendekatan yang terbaik. Hanya dengan cara itu, penyelesaian dan dasar yang tepat dapat diutarakan. Insya-Allah, saya yakin isu-isu lain seperti masalah gelandangan, kesesakan lalu lintas, kebersihan, isu River of Life akan dapat kita atasi dengan sebaik mungkin.

32. Satu lagi pendekatan yang saya lakukan ialah dengan melibatkan ahli-ahli parlimen kawasan dan saya telah kembali mengaktifkan Majlis Menteri Wilayah. Ini penting selaku pendekatan inklusif dalam menggariskan dasar-dasar yang terkait dengan Wilayah Persekutuan walaupun telah ada juga mesyuarat bulanan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu Majlis Konsultasi yang membincangkan isu-isu yang lebih teknikal dan bersifat *operational*.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

33. Saya juga berterima kasih kepada ahli-ahli parlimen yang telah berkunjung ke pejabat saya seperti YB Hannah Yeoh, YB Nik Nazmi, YB Teresa Kok dan YB Teknologis Zahir Hassan yang telah mengemukakan isu-isu yang menjadi *concern* penduduk di kawasan masing-masing. Kerjasama seperti ini amat penting bagi kita menyelesaikan isu-isu yang berlaku.

34. YB Nik Nazmi, Ahli Parlimen Setiawangsa, sebagai contohnya, yang sentiasa berhubung secara terus dengan saya mengenai isu Taman Tasik Titiwangsa. Isu lambakan peniaga yang tidak berlesen di kawasan tersebut sehingga mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman penduduk sekitar. Alhamdulillah, dengan penglibatan semua pihak, kita kini sedang menstrukturkan semula agar kawasan tersebut dapat dikembalikan ke matlamat asalnya sebagai tempat riadah keluarga.

35. Saya melihat pendekatan inklusif yang saya *adopt* ini, contohnya bekerjasama dengan PDRM, KPKT, MAIWP, Kerajaan Negeri Selangor, MOT, PETRA dan lain-lain kementerian dan agensi benar-benar dapat membuka ruang untuk menyelesaikan banyak isu yang selama ini tertangguh.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

36. Alhamdulillah, beberapa isu legasi telah kita perhalusi dan ambil tindakan dalam tempoh 72 hari saya memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan saya yakin pendekatan inklusif, *whole of government, whole of society* ini pastinya akan menghasilkan penyelesaian dan pencapaian yang lebih memuaskan.

### **JALANKAN TUGAS DENGAN CEMERLANG DAN RENDAH DIRI UNTUK MEMBERI YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT**

Para hadirin warga kerja Wilayah Persekutuan yang saya muliakan sekalian,

37. Saya ingin kongsikan Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam iaitu:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَخْدُوكْمَ عَمَلاً أَنْ يُتْقِنَهُ

*Innallaha ‘azza wajalla yuhibbu izaa ‘amila ahadukum ‘amalan an  
yutqinah*

Mafhumnya: Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

38. Jelas saranan Ar-Rasul Sallallahu ‘Alaihi Wassalam menuntut kita untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan tekad dan sedaya kita usaha dengan mempamerkan perkhidmatan yang pantas, solusi yang konkret dan pengurusan yang cekap demi keselesaan warga Wilayah Persekutuan. Ia bukan hanya sekadar ungkapan yang muluk-muluk, tetapi yang lebih penting ialah pelaksanaan kata-kata dan janji-janji kita kepada rakyat. Ada kalanya perlu untuk kita bermuhasabah, sejauh manakah dasar-dasar yang dirangka sampai faedahnya kepada setiap isi rumah di dalam Wilayah Persekutuan ini? Ratusan konvensyen dan mesyuarat yang kita hadiri, berpuluhan buku dasar kita hasilkan. Adakah benar setiap yang kita bincang dan rangkakan itu telah mencapai matlamatnya?

39. Seperkara lagi, saya juga tertarik untuk menyingkap bait syair T.S. Eliot : “*The only wisdom we can hope to acquire is the wisdom of humility, because humility is endless*”. *Humility* yang dimaksudkan adalah sifat merendah diri. Kenapa perlu merendah diri dalam kita melaksanakan kerja-kerja kita? Kerana bagi saya rendah diri akan memupuk rasa tanggungjawab. Bila kita ada rasa tanggungjawab, maka ia akan disulam dengan kesungguhan dan keikhlasan, untuk memberikan yang terbaik. Yang terbaik untuk siapa? Tentunya untuk rakyat!

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

40. Dengan refleksi, kefahaman kepada denyut nadi rakyat ini jugalah dapat kita rangka, laksanakan solusi yang benar-benar menjawab setiap keperluan mereka.

**PENYELARASAN IKHTIAR NIRMALA MALAYSIA MADANI DAN  
NARATIF EKONOMI MADANI DENGAN PELAN TINDAKAN HALA  
TUJU WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

41. Saya yakin apa yang saya faham tentang Wilayah Persekutuan, tuntutan dan apa yang perlu kita lakukan, lebih dahulu difahami oleh anda semua yang berada di hadapan saya ini. Jadi apa langkah kita yang seterusnya? Kini sudah tiba masanya untuk kita tawarkan dan rangka solusi yang diperlukan oleh warga dan generasi masa depan Wilayah Persekutuan.

42. Suka untuk saya nyatakan bahawa Pelan Tindakan Hala Tuju Wilayah Persekutuan perlu meletakkan gagasan Malaysia MADANI sebagai tonggak utamanya. Pelan ini juga perlu didokong oleh Naratif Ekonomi MADANI yang ditunjangkan kepada dua dasar utama, iaitu Menaikkan Siling dan Meningkatkan Lantai seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lalu.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

43. Bagi merealisasikan hasrat ini, Wilayah Persekutuan akan memperkenalkan dua kluster utama yang dipadankan dengan Naratif Ekonomi MADANI, iaitu Sejahtera @ WP yang dipadankan dengan Naratif Menaikkan Siling dan PUJI @ WP yang dipadankan pula dengan Naratif Meningkatkan Lantai.

### **KLUSTER SEJAHTERA @ WP MENSTRUKTUR SEMULA WILAYAH PERSEKUTUAN SECARA MAKROEKONOMI**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

44. Secara asasnya, tumpuan Kluster Sejahtera @ WP ini adalah bagi melonjakkan ekonomi, mereformasi dan menstruktur semula ekonomi serta menempatkan Wilayah Persekutuan khususnya sebagai hab serantau sekali gus menyokong kepada kemampanan model ekonomi negara.

45. Visi utama saya untuk Wilayah Persekutuan adalah untuk menjadikan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini sebagai akronim CHASE City, iaitu *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City* dan *Eco-friendly City*. Sehubungan itu, saya ingin menggariskan enam fokus utama dalam Kluster Sejahtera @ WP, iaitu:

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

i. **Fokus Pertama** penstrukturkan semula ekonomi Wilayah Persekutuan. Melalui inisiatif ini, penstrukturkan semula ekonomi perlu dilaksanakan bagi menjadikan ekonomi Wilayah Persekutuan lebih tangkas dengan saiz yang lebih besar agar hasil dapat diagihkan secara saksama kepada rakyat. Bagaimana? Iaitulah dengan usaha-usaha untuk meningkatkan dan merancakkan jumlah pelaburan domestik dan antarabangsa, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara tidak langsung, usaha ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada lebih ramai warga Wilayah Persekutuan ini.

Maka, DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan perlu menjadikan Wilayah Persekutuan ini sebagai tempat mesra pelabur dan meningkatkan kecekapan bagi mewujudkan persekitaran bandar dinamik, bukan sahaja dari segi daya tarikan bahkan juga *liveability*. Pembentukan bandar raya yang mampan seperti bandar rendah karbon, berdaya tahan, bebas kesesakan, mesra pejalan kaki serta mempunyai kemudahan mencukupi melalui perancangan bandar yang holistik akan dapat membantu industri untuk terus kekal dan berkembang di Wilayah Persekutuan.

## SULIT DAN TERHAD

### EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024

---

ii. **Fokus Kedua** adalah mewujudkan bandar pintar berdaya huni. Ini saya definisikan sebagai perancangan bandar secara holistik yang menggabungkan teknologi dan pembangunan mampan untuk meningkatkan kualiti hidup warga. Meningkatkan kualiti hidup warga ini haruslah melalui penggunaan teknologi dan pelaksanaan inisiatif pintar, serta memperkasa dan mewujudkan masyarakat pintar melalui digitalisasi, inovasi dengan tidak mengenepikan nilai moral yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, penekanan turut diberikan kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan secara bersepadu. Penggunaan teknologi hijau penting untuk diserapkan dalam mewujudkan masyarakat rendah karbon. Tujuh teras inisiatif bandar pintar ini adalah *smart governance, smart economy, smart living, smart people, smart environment, smart digital infrastructure* dan *smart mobility*.

Saya menasarkan pada tahun 2024 ini, penajaran inisiatif bandar pintar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan akan dilaksanakan berdasarkan petunjuk piawai MS ISO 37122:2019 dan *Blue Print* Bandar Pintar Wilayah Persekutuan.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

iii. **Fokus Ketiga** adalah menyeimbangkan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan. Di era negara Malaysia dan Wilayah Persekutuan khususnya sedang menuju kepada kemajuan dan kejayaan ekonomi serta menjadi kuasa besar ekonomi, keseimbangan sosio ekonomi akan menjadi penanda ukur kepada kejayaan yang bakal dinikmati oleh segenap rakyat. Di sebalik kepentasan pertumbuhan ekonomi, seharusnya limpahan ekonomi ini dapat memberikan peningkatan yang bermakna kepada taraf hidup rakyat.

Selaras dengan perkara tersebut, pendekatan untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar-dasar sosio ekonomi di Wilayah Persekutuan bukan sahaja perlu lebih berkualiti bahkan inklusif dalam memastikan warga turut mendapat faedah yang sama daripada aktiviti ekonomi yang terlaksana.

iv. **Fokus Keempat** adalah memelihara dan memulihara alam sekitar. Saya melihat bahawa perancangan Wilayah Persekutuan yang holistik seharusnya turut memfokuskan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini penting untuk menjaga kelestarian dan kehidupan warga.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

Sehubungan itu, saya berharap agar dalam rancaknya kita merancang, bumi yang boleh didiami ini harus diwariskan kepada generasi akan datang kita.

Maka sebagai prinsip ini yang seharusnya kita lakukan:

- a. Pertama, memperbanyak taman dan kawasan rekreasi hijau;
- b. Kedua, memperkenalkan visi bandar raya dalam taman;
- c. Ketiga, memastikan penggunaan sumber tanah dengan lebih kreatif dan inovatif;
- d. Keempat, menggunakan teknologi hijau dalam mewujudkan masyarakat rendah karbon;
- e. Kelima, mengindahkan landskap bandar;
- f. Keenam, memperkenalkan promosi dan kempen kesihatan secara lebih intensif dan agresif;
- g. Ketujuh, melaksanakan strategi bagi mengurangkan risiko bencana alam seperti banjir dan runtuhan cerun; dan

## SULIT DAN TERHAD

### EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024

---

- h. Kelapan, memperkenalkan inisiatif *waste to wealth*.
- v. **Fokus Kelima** adalah membudayakan digitalisasi. Digitalisasi merupakan inisiatif yang melambangkan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Pembudayaan digitalisasi di Wilayah Persekutuan akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk, merapatkan jurang digital dan menjadikan Wilayah Persekutuan lebih kompetitif dalam era global ini.

Sehubungan itu, pada tahun 2024, saya inginkan usaha-usaha pendigitalan ini diperkasakan dengan menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepadu atau *single window approach* bagi menambahbaik ekosistem digital yang lebih berkesan.

Sebagai usaha untuk menyokong kepada usaha pendigitalan ini, saya mensasarkan peningkatan perkhidmatan dalam talian *end to end* sebanyak lima peratus berbanding tahun lalu.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

vi. Manakala, fokus terakhir, iaitu **Fokus Keenam** adalah melestarikan pelancongan di Wilayah Persekutuan. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar kepada ekonomi Wilayah Persekutuan. Sehubungan itu, pelancongan yang mampan dan lestari juga adalah penting kepada Wilayah Persekutuan kerana ianya tidak hanya memberi manfaat ekonomi jangka pendek, malah akan memastikan kelestarian alam, budaya dan sosial di Wilayah Persekutuan turut terpelihara.

Sasaran utama untuk tahun 2024 adalah untuk meningkatkan bilangan pelancong ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Selain itu, saya juga mensasarkan Wilayah Persekutuan untuk terus kekal berada di kedudukan tiga teratas berbanding negeri-negeri lain serta kekal sebagai destinasi unggul dan utama bagi sektor pelancongan di Malaysia.

Bagi melestarikan pelancongan ini, saya ingin menekankan bahawa kita perlu untuk meningkat produk pelancongan supaya pengalaman perjalanan pelancong atau *tourist experience journey* di Wilayah Persekutuan menyematkan niat untuk mereka kembali melancong sebagai *return tourist* dan membawa bersama lebih ramai lagi pengunjung ke sini.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

### **KLUSTER PUJI @ WP MENGANGKAT DARJAT HIDUP RAKYAT**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

46. Dalam usaha untuk memperkasa pembangunan secara lebih pesat dan holistik di Wilayah Persekutuan, pembangunan sosial dan ekonomi warganya perlu seiring. Sehubungan itu, Kluster PUJI @ WP akan dizahirkan di Wilayah Persekutuan bagi menandakan komitmen kita dalam meningkatkan darjat hidup rakyat. Ini termasuklah usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan tegar dan memperkasa warganya melalui program-program yang memberi fokus kepada penjanaan pendapatan, pembangunan usahawan, perlindungan sosial, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur asas.

47. PUJI atau Program Usaha Jaya Insan yang akan saya luncurkan sebentar sahaja lagi merupakan jenama atau *signature program* yang akan menjadi payung kepada pelaksanaan inisiatif peningkatan darjat hidup rakyat ini.

48. Dalam usaha untuk memperkasa pembangunan secara lebih pesat dan holistik di Wilayah Persekutuan, pembangunan sosial dan sosio ekonomi perlulah seiring serta memenuhi ekosistem kehidupan warganya.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

49. Sehubungan itu, melalui Kluster PUJI @ WP ini, enam inisiatif utama akan diperkenalkan iaitu:

- i. **Inisiatif Pertama** adalah Upaya @ PUJI. Inisiatif ini akan memayungi program-program pendayaupayaan Ketua Isi Rumah atau Ahli Isi Rumah yang masih produktif dengan menyediakan latihan-latihan kemahiran dan peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan.
- ii. **Inisiatif Kedua** pula adalah Ihsan @ PUJI. Inisiatif ini akan mengumpulkan segala jenis bantuan yang diperlukan oleh Kerajaan, NGO mahupun swasta untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan kos sara hidup.
- iii. **Inisiatif Ketiga** adalah Lindung @ PUJI. Inisiatif ini mensasarkan pewujudan skim caruman atau insurans sosial kepada Ketua Isi Rumah bagi menyediakan perlindungan kepada kumpulan yang berisiko tinggi.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

- iv. **Inisiatif Keempat** adalah Ilmu @ PUJI. Melalui inisiatif ini nanti, pelajar-pelajar Wilayah Persekutuan yang berada dalam kategori pendapatan B40 berpeluang untuk mendapatkan akses pendidikan tambahan secara percuma.
- v. **Inisiatif Kelima** adalah Sihat @ PUJI. Warga Wilayah Persekutuan akan berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan kesedaran tentang gaya hidup sihat melalui pelaksanaan inisiatif ini.
- vi. Manakala yang terakhir, **Inisiatif Keenam** adalah Infra @ PUJI. Inisiatif ini akan memberi peluang untuk akses kepada kemudahan infrastruktur asas bagi menjamin kesejahteraan hidup khususnya bagi penduduk di Labuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

50. PUJI ini merupakan satu usaha untuk kita rangkum dan selaraskan segala bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kepada warga Wilayah Persekutuan, khususnya kepada mereka yang berada dalam kategori pendapatan B40. Apabila kita rangkumkan kesemua bantuan dan kemudahan ini, mudah untuk kita menyelaraskan isu kemiskinan di Wilayah Persekutuan ini.

## **SULIT DAN TERHAD**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

51. Justeru, pada penghujung tahun 2024 ini, saya menasarkan isu miskin tegar dan miskin bandar dapat ditangani dengan *exit program* seperti PUJI @ WP ini.

52. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada 28 rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan inisiatif PUJI ini. Inisiatif PUJI ini adalah salah satu usaha pendekatan *whole of nation* yang cuba kita bawa.

### **RUMUSAN PELAN TINDAKAN HALA TUJU WILAYAH PERSEKUTUAN**

Warga Wilayah Persekutuan sekalian,

53. Saya yakin, apa sahaja usaha-usaha, dasar dan penyelesaian yang dirancang dapat dilaksanakan dengan tepat dan berkesan apabila ia disokong oleh data yang berintegriti. Bagi merealisasikan hasrat ini, saya mahu kesemua data, termasuk dasar yang ada di Wilayah Persekutuan ini, baik di Jabatan Wilayah Persekutuan maupun agensi-agensinya, perlu dipusatkan di satu *data centre*. Sehubungan itu, saya berikan tempoh sehingga penghujung suku kedua tahun ini untuk pihak Jabatan Wilayah Persekutuan menyelaraskan pemusatan kesemua data-data ini dan saya sendiri akan memantau perkembangan ini dari semasa ke semasa.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

54. Bayangkan, jika Wilayah Persekutuan mempunyai satu pusat data raya atau *big data centre*, di mana pemusatan data memampukan kita untuk melakukan analisis yang tepat dan akhirnya membolehkan kita mendatangkan dasar-dasar yang menepati keperluan kumpulan sasar kita, baik penduduk miskin, miskin tegar, miskin bandar, kumpulan B40, gelandangan, peniaga kecil, pemain industri dan lain-lain.

### **FALSAFAH HELANG JADIKAN PEDOMAN**

**Para hadirin yang saya muliakan sekalian,**

55. Saya yakin, untuk melaksanakan perkara ini bukan satu perkara yang mudah, sudah pasti ada kesulitan dan perubahan yang menuntut pengorbanan setiap daripada kita. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, mari sama-sama kita berikan perhatian ke skrin utama dan saksikan video yang disediakan.

[Tayangan video Falsafah Helang]

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

56. Siapa yang tidak kenal burung helang. Selain memiliki kekuatan dan postur yang tinggi, burung ini juga dikenali memiliki penglihatan tajam yang memungkinkannya mengesan mangsa dari jarak puluhan kilometer. Menariknya, burung helang mampu hidup lebih lama daripada umur manusia, secara purata selama 70 tahun. Namun, untuk mencapai umur tersebut, helang harus melalui perjuangan yang gigih. Ketika mencapai usia 30 tahun, kukunya akan tumbuh panjang sehingga sukar untuk menangkap mangsa. Ada yang mengatakan bahawa pada usia ini, paruh helang dapat mencapai dadanya.

57. Pada keadaan ini, burung helang akan mencari bukit yang tinggi untuk beristirehat. Di sana, ia akan menghentakkan paruhnya ke batu sehingga paruhnya tercabut. Proses ini pastinya sangat menyakitkan bagi sang helang. Seiring berjalannya waktu, paruh baru akan tumbuh semula. Helang akan menggunakan paruh barunya untuk mencabut bulu-bulu pada sayapnya satu per satu. Kuku-kukunya juga akan dipatahkan. Setelah setahun berlalu, bulu sayap akan mulai tumbuh, begitu juga dengan kuku-kukunya. Akhirnya, burung helang akan memiliki paruh baru, sayap yang lebih kuat, dan kuku yang tajam serta bersedia untuk terbang meneruskan kehidupannya.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

58. Saya ingin tuan-tuan dan puan-puan merenung Falsafah Helang yang saya ceritakan sebentar tadi. Sama seperti kita di Wilayah Persekutuan ini yang telah mencapai usia 50 tahun. Kita telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai aspek. Namun, untuk kita terus kekal relevan dan maju, ada langkah-langkah yang perlu untuk kita laksanakan demi masa depan Wilayah Persekutuan yang lebih baik. Mungkin perkara itu perlit untuk dilaksanakan, tetapi perlu untuk diperhalusi.

59. Sebagai contoh, kita memerlukan pembaharuan kebijakan yang lebih mutakhir dan berkelanjutan, perubahan dasar yang lebih terkini dan mampan, penambahbaikan kepada prosedur-prosedur kerja yang lapuk dan penekanan kepada tata kelola yang baik. Suka atau tidak, kita perlu untuk terus berikan perkhidmatan yang optimum kepada rakyat.

## **BUDAYA KERJA H.A.R.M.O.N.I.**

### **Para hadirin yang saya muliakan sekalian,**

60. Untuk kita memulakan lembaran baharu ini, saya ingin memperkenalkan satu budaya kerja baru kepada seluruh warga kerja Wilayah Persekutuan iaitu, HARMONI, Hormat, Adil, Responsif, Mampan, Orientasi Rakyat, Nilai Empati dan Integriti.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

61. Budaya pertama iaitu Hormat. Dalam interaksi kita dengan rakyat, rakan sekerja dan pihak berkepentingan, jadikan rasa hormat sebagai asas kepada tindak tanduk kita. *Respect is a foundation in which our culture should stands.*
62. Kita perlu menghargai dan menghormati pelbagai perspektif dan sumbangan semua pihak, tanpa mengira siapa dia, gred berapa, jawatan apa, malah siapa pun pelanggan kita, apa bangsanya, apa agamanya, apa taraf kehidupannya. Budaya hormat menghormati ini akan memupuk kepercayaan dan membuka jalan untuk dialog yang lebih membina sekaligus dapat memastikan perkhidmatan kita boleh diakses dan *welcoming to all.*
63. Seterusnya, nilai Adil perlu menjadi komitmen kita semua terhadap layanan yang saksama. Keadilan perlu menjadi cahaya panduan kita. Kita mesti berusaha sedaya upaya untuk menghapuskan amalan berat sebelah dan memastikan bahawa dasar dan tindakan kita adalah adil dan saksama.
64. Menjadi Responsif juga adalah penting dalam memenuhi keperluan rakyat yang semakin berkembang. Kita harus peka dengan keprihatinan dan aspirasi pelanggan kita, iaitu rakyat Malaysia. Pendekatan responsif ini bermakna tindakan yang dilaksanakan mestilah tepat pada masanya dan berkesan. Ini bagi memastikan kita kekal tangkas dalam menangani permintaan persekitaran kita yang dinamik dan sentiasa berubah.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

65. Mampan pula *reflects a broader responsibility towards environment, economy and society*. Sambil kita berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat, kita perlu mempunyai kesedaran tentang kesan jangka panjang terhadap persekitaran kita. Komitmen kita terhadap kemampanan ini adalah merupakan ikrar untuk memastikan tindakan kita pada hari ini menyumbang secara positif kepada kesejahteraan generasi akan datang. Kita perlu memastikan kesemua dasar dan projek yang dilaksanakan bukan sahaja memenuhi keperluan semasa tetapi juga mengutamakan kesihatan dan kemakmuran jangka panjang rakyat.

66. Orientasi Rakyat pula merupakan nilai yang meletakkan keperluan dan kepentingan orang ramai di hadapan. Matlamat utama kita adalah untuk berkhidmat kepada rakyat dengan berkesan dan cekap. *Being people centric means we need to understand the needs and expectations of the public and aligning our service to meet those needs*. Kita juga perlu mencari *feedback*, sentiasa *engage* dengan komuniti dan *tailor our service* kepada mereka.

## **SULIT DAN TERHAD**

### **EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

67. Nilai Empati merupakan kunci kepada perkhidmatan awam. Memahami keperluan rakyat adalah penting. *By approaching our work with empathy*, kita dapat membina solusi yang benar-benar menangani permasalahan hidup mereka. *The greatest gift you can give someone is the gift of understanding. Empathy is the bridge that spans the gap between hearts.*

68. Akhir sekali adalah integriti. Integriti adalah asas profesionalisme kita semua. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan ketelusan, kejujuran dan kebertanggungjawab dalam semua tindakan kita. *By doing so, we not only uphold the trust of the public but also demonstrate our unwavering commitment to serving with integrity and diligence.*

69. Kesimpulannya, nilai-nilai ini bukan sekadar kata-kata di atas kertas semata-mata, tetapi komitmen yang perlu kita semua zahirkan untuk mengangkat martabat Wilayah Persekutuan, khususnya dalam kita Membangun Malaysia MADANI. Mari kita hayati budaya kerja ini dalam tindakan kita seharian. Saya yakin, kita semua boleh membina legasi yang mencerminkan semangat perkhidmatan yang sebenar kepada rakyat dan memberi impak positif yang berkekalan kepada Wilayah Persekutuan.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

**KEBERSAMAAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEBAGAI SATU**

**Para hadirin yang saya muliakan sekalian,**

70. Saya juga ingin memperkenalkan tanda pagar atau hashtag yang menyatukan kita semua, warga Wilayah Persekutuan sebagai satu pasukan yang padu. Adalah penting untuk kita memupuk rasa kebersamaan yang merentasi jarak fizikal yang mungkin memisahkan kita. Sehubungan itu, saya juga ingin memperkenalkan tanda pagar atau hashtag #WilayahPersekutuanKita yang akan digunakan secara bersama bagi memupuk kebersamaan sesama kita.

71. Untuk makluman semua, hashtag ini adalah hasil daripada pertandingan mencipta hashtag menggambarkan kebersamaan yang telah diwar-warkan melalui Laman Facebook Jabatan Wilayah Persekutuan pada 11 hingga 14 Februari yang lalu. Sebanyak 61 penyertaan yang diterima dan hashtag ini yang dipilih. Tahniah saya ucapkan kepada pemenang, Saudari Nur Farhana Farid Wajidi. Saya difahamkan beliau ada di dalam dewan ini. Mohon berdiri. Berikan tepukan kepada beliau. Tahniah sekali lagi. [\[Tepukan\]](#)

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

72. Hasil kreativiti beliau ini, saya hadiahkan wang tunai kepada Saudari Nur Farhana sebanyak RM 1,500.00 atas idea tersebut. Terima kasih kerana *participate* dalam pertandingan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

73. Kebersamaan ini bukan hanya sekadar bualan, tetapi ia adalah tunjang kepada kejayaan Wilayah Persekutuan. *This hashtag serves as a rallying cry, a reminder that regardless of our individual roles or locations, we are part of a united front working towards a common goal.*

74. Dalam landskap Wilayah Persekutuan yang dinamik dan sentiasa berkembang, kejayaan kita bergantung kepada keupayaan kita untuk berfungsi sebagai satu pasukan yang padu. Hashtag ini bukan sahaja mewujudkan semangat kekitaan dan kebersamaan, malah mengukuhkan idea bahawa setiap daripada kita perlu memainkan peranan penting masing-masing.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

**PENUTUP**

**Para hadirin yang saya muliakan sekalian,**

75. Pada kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan pesanan kepada keluarga besar Wilayah Persekutuan. Dalam kita memulakan perjalanan reformatif ini, adalah penting untuk kita menyedari kepentingan kebersamaan sebagai satu pasukan yang padu, bekerja secara harmoni untuk membawa perubahan yang positif kepada rakyat.

76. Pertama, marilah kita menghayati nilai kesegeraan dalam tindakan. Masa adalah penting, dan dalam peranan kita, kita mesti memupuk budaya di mana tindakan segera dan tegas perlu diterapkan dalam tugas sehari-harian. Saya menggesa semua yang menonton, baik yang ada dalam dewan ini, mahupun yang menonton secara langsung, untuk melihat kesegeraan bukan sebagai usaha sporadis atau *sporadic effort*, tetapi sebagai benang berterusan yang ditenun ke dalam fabrik budaya organisasi kita.

**SULIT DAN TERHAD**

**EMBARGO SEHINGGA SELESAI PEMBACAAN  
PADA 22 FEBRUARI 2024**

---

77. Kedua, marilah kita memulakan anjakan paradigma dengan mencabar *status quo* dalam usaha kita memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Dunia di sekeliling kita sedang berkembang, dan begitu juga kita. Terima perubahan sebagai peluang dan bukannya ancaman. Sentiasa proaktif dalam mencari penyelesaian inovatif untuk memenuhi keperluan rakyat dengan lebih baik. Anjakan paradigma ini memerlukan usaha kolektif, komitmen bersama dan berterusan untuk mempersoalkan norma sedia ada, dan meneroka jalan baharu untuk ruang penambahbaikan.

78. Akhir kata, bersama-sama kita sebagai satu pasukan membina legasi yang mencerminkan komitmen kita untuk penambahbaikan yang berterusan dan dedikasi yang tidak berbelah bagi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia amnya dan Wilayah Persekutuan khasnya.

79. Maju Sejahtera Wilayah Persekutuan!! Semoga Allah memberikan segala kebaikan buat kita.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu ‘alaikum warahmatullahi wabarakatuh.